

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/1995**

April 1995

BZT 394/3 - PERLAKUAN HAIWAN

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah

(BZT 394/3)

1. Bincangkan komunikasi dan ransangan yang berlaku untuk menjayakan kelakuan pembiakan dalam sesuatu spesies serangga ~~atau~~ burung.
(20 markah)

2. Tulis nota mengenai dua daripada tajuk yang berikut:-
 - a) Kelakuan yang dipengaruhi oleh ritma sirkalunidian.
 - b) Polietisme usia.
 - c) Peneraan filial dan peneraan seks.
 - d) Orientasi mengikut cahaya matahari atau bintang.(20 markah)

3. Dengan memberi contoh, huraikan empat jenis pembelajaran yang ditunjukkan dalam kelakuan haiwan. Terangkan kebaikan setiap jenis kepada haiwan.
(20 markah)

4. Dengan menggunakan contoh-contoh tertentu, terangkan perubahan-perubahan kelakuan yang terjadi semasa perkembangan individu.
(20 markah)

5. Huraikan masyarakat lebah madu dari segi pembahagian tugas, riwayat hidup, komunikasi dan mencari makanan.
(20 markah)

6. a) Bincangkan ciri-ciri yang terdapat pada perlakuan sosial tinggi haiwan?
(15 markah)

(BZT 394/3)

- b) Di dalam organisasi masyarakat primat, individu yang paling dominan (alpha) adalah paling untung kerana biasanya ia lebih sihat, dapat makanan yang terpilih, hidup lebih lama dan mengawan dengan lebih kerap. Mengapakah individu-individu lain pula masih kekal di dalam kumpulan dan tidak cuba meninggalkan kumpulan itu?

(5 markah)

-ooo0ooo-